

# Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

# \$41.1 juta dipungut

1/1/83  
Ms: 14  
3/3/88

**JOHOR BAHRU, Khamis** — Jabatan Perhutanan Negeri Mengutip \$41.1 juta untuk Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sefakat ini, termasuk \$2.3 juta yang dikutip tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Leong Hin Nin, berkata sejak kumpulan wang berkenaan ditubuhkan pada 1973, jabatan sudah menggunakan \$16.19 juta di antara 1976 dan 1987.

Kumpulan wang itu ditubuhkan mengikut Akta Perhutanan Negara, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985.

"Wang itu digunakan untuk melaksanakan rancangan pengurusan hutan, hutan lipur dan perbelanjaan pembangunan yang ditanggung oleh kerajaan negeri," katanya kepada Berita Harian.

Menurutnya, antara rancangan dan program berkenaan

## Oleh ADAM MOHAMAD

ialah membiayai penyelidikan hutan, kerja silvikultur, mengukur hutan, inventori dan kerja lain berhubung pembangunan hutan.

Datuk Leong berkata, wang itu dikutip daripada mereka yang berjaya mendapat tender bagi kerja pembalakan itu, berdasarkan jenis kayu ditebang.

"Setakat ini, mereka perlu membayar \$2.80 bagi jenis kayu bulat (setiap meter padu), kayu jaras (\$5.60 bagi setiap meter padu) dan 10 peratus daripada royalti bagi jenis kayu api, arang dan rotan jenis manau dan sega," katanya.

Menurutnya, kutipan wang itu diharap dapat memberi kesedaran kepada pengusaha balak dan orang ramai bahawa kerajaan tidak mengabaikan usaha membaikpulihkan kawa-

san hutan yang sudah ditebang. "Setiap hutan yang ditebang perlu ditanam semula dalam tempoh ditetapkan oleh jabatan supaya kawasan hutan negeri ini sentiasa kekal dan terjamin hasilnya.

"Tujuannya juga supaya keadaan yang boleh menyebabkan hakisan dan pencemaran alam, dapat dihindarkan," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Leong berkata Johor juga mendapat bantuan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek ladang hutan secara besar-besaran bagi mempercepatkan tumbuhan pokok di hutan yang menelan belanja \$15.16 juta.

"Sejak projek itu dilaksanakan pada 1983 hingga tahun lalu, Jabatan Perhutanan Negeri membuka 1,900 hektar tanah untuk projek itu yang dijangka mendatangkan hasil dalam tempoh 15 tahun," katanya.